
Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama Tahun 2022

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun volatiliti pasaran global adalah ketara

Meskipun tinggi, tekanan pasaran kewangan masih jauh di bawah paras tertinggi yang dicatatkan pada tahun 2020

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan



Keadaan mudah tunai dalam pasaran bon dan pertukaran asing kekal kukuh

Minat pelabur terhadap bon korporat kekal tinggi

46.5 mata asas*
Spread purata sejak awal tahun 2022 sehingga kini antara bon AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun *(purata 2015–2019: 55.4 mata asas)*

Permintaan kukuh bagi terbitan bon kerajaan baharu

2.3 kali*
Nisbah bida kepada perlindungan bagi terbitan bon kerajaan baharu *(purata 2015–2019: 2.3 kali)*

Keadaan pasaran bon dan pertukaran asing adalah teratur

RM 2.8 bilion*
Purata jumlah dagangan harian dalam pasaran sekunder bon kerajaan *(purata 2015-2019: RM3.1 bilion)*

USD13.3 bilion*
Purata jumlah dagangan harian dalam pasaran pertukaran asing domestik *(purata 2021: USD11.2 bilion)*

Institusi kewangan berupaya menguruskan kesan daripada keadaan pasaran yang tidak menentu

Bank-bank memiliki aset mudah tunai mata wang asing yang mencukupi

2.6 kali^
Nisbah aset mudah tunai mata wang asing kepada hutang luar negeri berisiko (purata 2017-2019: 2.6 kali)

Dedahan mata wang asing kekal terurus

4.5%^
Kedudukan terbuka bersih mata wang asing sebagai bahagian daripada jumlah modal (purata 2015-2019: 5.7%)

**Data setakat 23 September 2022 ^Data setakat bulan Jun 2022*

Institusi kewangan kekal pada kedudukan yang baik untuk menyokong pemulihan ekonomi

Bank-bank mengekalkan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh untuk menyokong pengantaraan kewangan

18.0%
Nisbah Jumlah Modal
(Dis. '21: 19.2%)

RM122.9 bilion
Lebihan Penampan Modal
(Dis. '21: RM135.4 bilion)

148%
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
(Dis. '21: 153%)

Tahap permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum

224%
Nisbah Kecukupan Modal
(Dis. '21: 222%)

RM35.8 bilion
Lebihan Penampan Modal
(Dis. '21: RM36.8 bilion)

Penampan peruntukan bank-bank mencukupi untuk menyerap sebarang peningkatan kerugian kredit, manakala perolehan terus meningkat

1.8%
Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar
(Dis. '21: 1.7%)

1.8%
Jumlah Peruntukan kepada Jumlah Pinjaman
(Dis. '21: 1.8%, purata 2015-2019: 1.4%)

117%
Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman
(termasuk rizab pengawalseliaan)
(Dis. '21: 123%, purata 2015-2019: 113%)

11.8%
Pulangan atas Ekuiti
(Dis. '21: 9.5%)

Data adalah setakat bulan Jun 2022 kecuali dinyatakan sebaliknya.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Reuters

Sektor isi rumah dan perniagaan terus pulih sejak pandemik, namun risiko masih wujud dalam beberapa segmen

Bahagian pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman terus menurun

Hutang di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman
(sebagai % daripada Jumlah Pinjaman Sistem Perbankan dan Institusi Kewangan Pembangunan)

- 2.4% — **Isi Rumah** *(Dis. '21: 18.8%)*
- 2.3% — **PKS*** *(Dis. '21: 5.4%)*

Pinjaman terjejas meningkat disebabkan oleh sebilangan kecil peminjam yang terus mudah terjejas selepas keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman

Nisbah Pinjaman Terjejas
(sebagai % daripada Jumlah Pinjaman Sistem Perbankan masing-masing kepada Isi Rumah dan PKS)

- 1.2% — **Isi Rumah** *(Dis. '21: 1.1%)*
- 2.8% — **PKS** *(Dis. '21: 2.5%)*

Bank-bank mampu menghadapi peningkatan pinjaman terjejas di bawah simulasi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk

Nisbah Pinjaman Terjejas* Berdasarkan Ujian Tekanan dengan Kejutan Tambahan menjelang akhir tahun 2023

Isi Rumah
5.7% ↑
(Ujian tekanan sebelum ini: 5.0%)

PKS
6.9% ↑
(Ujian tekanan sebelum ini: 5.9%)

Parameter Kejutan Tambahan**

USD/MYR	Lebih teruk daripada tahap yang dicatatkan semasa Krisis Kewangan Asia
Kadar US Federal Funds	Peningkatan paling mendadak dalam tempoh empat dekad
Kadar Hasil MGS	Paras tertinggi dalam tempoh dua dekad

Data yang disebut di atas adalah setakat bulan Jun 2022 kecuali dinyatakan sebaliknya.
^ PKS terus mencakupi 94% syarikat yang mendapat manfaat daripada bantuan bayaran balik pinjaman.
* Sebagai % daripada jumlah pinjaman sistem perbankan masing-masing kepada isi rumah dan PKS.
** Meningkatkan tahap keterukan parameter kejutan yang dikenakan pada ujian tekanan makro yang diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 BNM.

Khidmat nasihat dan bantuan kewangan disediakan untuk peminjam yang terkesan dalam persekitaran semasa

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit			Institusi Perbankan
Sokongan khidmat nasihat kewangan	**Individu** • Program Pengurusan Hutang	**Perniagaan** • Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil	Pelan penjadualan dan penstrukturan semula yang khusus

Rencana: Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (FCI) 2021

Pandemik telah meningkatkan ilmu kewangan secara keseluruhan, namun menjadikan keadaan lebih mencabar kepada beberapa golongan

- Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia meningkat kepada 59 (2018: 57), menunjukkan bahawa individu lebih mengambil maklum tentang hal kewangan berikutan pandemik
- Tahap celik kewangan digital masih rendah meskipun penggunaan produk digital lebih meluas. Sebanyak 37% daripada individu berkongsi kata laluan dan/atau nombor PIN mereka dengan kawan rapat
- Pekerja bergaji cenderung berasa lebih yakin tentang aliran pendapatan mereka yang menyebabkan mereka cenderung untuk mengambil lebih banyak hutang
- Pengeluaran simpanan persaraan menyebabkan lebih banyak individu (2021: 27% daripada responden, 2018: 16%) bimbang akan daya tahan jangka panjang mereka
- Daya tahan kewangan jangka pendek meningkat sedikit disebabkan oleh pelbagai bantuan yang tersedia
- Satu daripada tiga individu menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk mengambil tahu tentang produk insurans/takaful

Rencana: Keadaan Semasa Aset Digital di Malaysia dan Hubung Kait dengan Kestabilan Kewangan

Risiko kestabilan kewangan berkaitan dengan penggunaan semasa aset digital di Malaysia kekal rendah

- Tahap penggunaan aset digital yang rendah berbanding dengan aset tradisional
- Aliran keluar deposit yang kecil daripada institusi perbankan untuk pelaburan aset digital
- Dedahan institusi perbankan terhad kepada memudahkan perkhidmatan pelanggan berisiko rendah

Volatiliti harga dan percambahan penyedia perkhidmatan yang tidak berdaftar menimbulkan risiko yang ketara kepada pelabur

- 70% — penurunan permodalan pasaran aset digital global pada bulan Jun 2022 daripada paras tertingginya pada bulan November 2021
- 87% — daripada pelabur aset digital mempunyai tahap pengetahuan yang hanya setakat sederhana mengenai pelaburan aset digital mereka
- 62% — daripada akaun bursa aset digital dimiliki oleh pelabur berumur 35 tahun ke bawah yang lazimnya mempunyai penampan kewangan yang lebih sedikit

Bank memberikan tumpuan pada usaha mengurangkan kesan yang tidak diingini

- Pemantauan perkembangan aset digital domestik dan global
- Kerjasama dengan pengawal selia lain dalam bidang pendidikan kewangan
- Mempertingkatkan rangka kerja pengawalseliaan supaya selaras dengan perkembangan pengawalseliaan global
- Kerjasama antarabangsa untuk mengurangkan pemecahan dan arbitraj pengawalseliaan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Reuters